


Prof. Dr. 'Abd Al Karim Zaidan



SISTEM KEHAKIMAN ISLAM

نِظَامُ الْقَضَاءِ فِي الشَّرِيعَةِ الْإِسْلَامِيَّةِ

Diterjemahkan oleh :

Haji Mohd Saleh Bin Haji Ahmad



PUSTAKA HAJI ABDUL MAJID



Penterjemah buku ini, Hj Mohd. Saleh bin Haji Ahmad dilahirkan pada 5.7.1947 di Permatang Sungai Dua, Kepala Batas, Seberang Perai, Pulau Pinang. Beliau mendapat pendidikan awal di ekolah Melayu Jelutong, Taiping, Perak. Kemudian beliau memulakan pengajian menengahnya di Pondok Gajah Mati, Pendang, Kedah pada tahun 1959 hingga 1966. Selepas itu bertukar ke Madrasah Irsyadiah Batu 26, Bagan Datuk, Perak mulai tahun 1967 hingga 1968. Berikutnya ke Maktab Pengajian Islam, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1969, selepas itu beliau menyambung pengajian ke Fakulti Syariah dan Undang-undang, Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) di Nilam Puri, Kelantan pada tahun 1970 hingga 1974 dan

mendapat Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang pada tahun 1974 daripada YPTIK. Beliau dihadiahkan biasiswa oleh kerajaan Kelantan untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar. Sekali lagi beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda Syariah (BSy) pada tahun 1976 berikutnya Ijazah Sarjana (MSy) dalam bidang Al-Fiqh Al-Muqarin pada tahun 1978.

Beliau kembali ke tanah air dan memulakan kerjayanya sebagai pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-undang (YPTIK) pada tahun 1979 hingga 1981. Kemudian apabila Universiti Malaya mengambil alih YPTIK pada tahun 1981 beliau meneruskan tugas sebagai pensyarah di Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya. Kemudian beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Prof. Madya pada 29.6.1996, dalam tempoh berkhidmat di UM beliau pernah memegang jawatan Penyelaras Program Pendidikan Islam, Timbalan Dekan Fakulti Syariah, Dekan Fakulti Syariah, kemudian Ketua Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Setelah bersara daripada Universiti Malaya, beliau meneruskan khidmatnya sebagai Fellow Kanan, Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarbangsa Malaysia, Gombak secara Kontrak.

Beliau juga aktif dengan aktiviti kemasyarakatan di luar kampus antaranya memberi kuliah dan ceramah di masjid-masjid, seminar-seminar dalam dan luar negara seperti Singapura dan Brunei. Sebagai pengiktirafan diatas ilmunya, beliau telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Syariyyah (fatwa) negeri Perak Darul Ridzwan, AJK Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan, Ahli Panel Kajian Syariah JAKIM, Ahli Lajnah Syariah Koperasi Muslimin Malaysia Berhad, Koperasi Al-Hilal Malaysia Berhad, Ahli Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) (1999-2004), Ahli Majlis Agama Islam dan adat Melayu Perak Darul Ridzuan. (2000 hingga sekarang), Anggota Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syar'iyah Negeri Selangor Darul Ehsan (2001-2004), Ahli Majlis Pengawasan Syariah Bank Rakyat (2000-2004), Ahli Jawatankuasa Kajian Undang-undang Keterangan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) (2002-2005), Ahli Majlis Pengawasan Syariah Bank Muamalat (2002 hingga sekarang) dan Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak (Fatwa) Selangor Darul Ehsan (2003 hingga sekarang). Anggota Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syar'iyah Negeri Perak (2007-2009). Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputraan Yang ke-79 pada 19hb. April 2007 D.Y.M.M. Paduka Seri Sultan Azlan Shah Sultan Perak Darul Ridzuan Mengurniakan Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P) kepada beliau.

Penulisan beliau yang telah diterbitkan ialah Solat Jama'ah: Satu Huraian Menurut Mazhab Syafi'i (1990), Sistem Kehakiman Islam (Jilid 1,2,3) (1993), Pengantar Syari'at Islam (1999), Rujuk dan 'Iddah dalam Sistem Perkahwinan Islam (1995), Qawaid Fiqhiyyah (1998), Panduan Solat Musafir Jama' dan Qasar (2000), Risalah Ahkam (2005) dan yang terbaru, Perkahwinan dan Perceraian dalam Islam (2009).



Pustaka Haji Abdul Majid
No.54, Jalan SBC 3,
Taman Sri Batu Caves,
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03 - 6184 2641
Fax: 03 - 6184 2671
H/P: 012 - 3883 545
Email: pham2000@tm.net.my
Laman Web : <http://www.pustakamajid.com>

HARGA : RM 40 .00

ISBN 978-967-5407-02-4



9 789675 407024